



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

## **UCAPAN**

**EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**MAJLIS AGM**

**25 MAC 2021**

**ZOOM**

Standards Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada PMAM atas dedikasi dan komitmen Jawatankuasa Tertinggi PMAM serta ahli PMAM sehingga membawa kepada kejayaan penganjuran Majlis AGM kali ke-5 yang diadakan secara *virtual*.

Semenjak PMAM ditubuhkan pada Februari 2016, pelbagai aktiviti terutamanya latihan dengan purata 6 kali setahun telah berjaya dilaksanakan. Latihan ini telah memberi manfaat kepada lebih 200 ahli PMAM. Kini, PMAM telah mempunyai laman web rasmi iaitu ([www.makmal-malaysia.org.my](http://www.makmal-malaysia.org.my)) dan pejabatnya sendiri di UKM-MTDC, Bangi berdekatan dengan UKM. Tahniah diucapkan!

Pada tahun 2018, PMAM sebagai salah satu *stakeholder* utama aktiviti akreditasi, telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Akreditasi Kebangsaan (NAC) mewakili *accredited laboratories* di Malaysia. Keanggotaan PMAM dalam NAC telah memberi impak positif dalam merangka polisi dan prosedur berkaitan pelaksanaan aktiviti penilaian pematuhan.

Saya ucapkan agar Majlis AGM berjalan lancar dan mendapat penglibatan aktif daripada semua ahli. Semoga kerjasama baik Standards Malaysia dengan PMAM dapat diteruskan dalam memaju dan meningkatkan kompetensi serta kualiti perkhidmatan makmal di Malaysia.